



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE-207 BIL. 14/ 2026

PELAKSANAAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN ELEKTRIK DI BLOK D HINGGA BLOK I, KOLEJ KEDIAMAN 5, UMPSA KAMPUS PEKAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Kepada Semua Pelajar Kolej Kediaman 5,

2. Dimaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem elektrik akan dilaksanakan di **Blok D hingga Blok I, Kolej Kediaman 5, Kampus Pekan** bermula pada **6 April 2026 sehingga 23 Jun 2026**. Kerja-kerja ini akan dijalankan secara berperingkat oleh kontraktor yang dilantik dengan pemantauan pihak universiti bagi memastikan sistem elektrik di kediaman pelajar sentiasa selamat, teratur dan berfungsi dengan optimum.

3. **Jadual terperinci bagi bilik-bilik yang terlibat** dengan kerja-kerja penyelenggaraan ini akan **dimaklumkan dari semasa ke semasa** melalui saluran komunikasi rasmi kolej. Para pelajar diminta untuk sentiasa peka dengan pengumuman terkini bagi memudahkan urusan persediaan awal.

4. Sehubungan dengan itu, semua pelajar di blok terlibat diminta memberikan kerjasama sepenuhnya dengan:

- i. **Menyimpan barangan peribadi dan berharga** di tempat yang selamat dan berada dibawah jagaan pelajar sepanjang tempoh kerja dijalankan.
- ii. **Memastikan peralatan dan kelengkapan pelajar** tidak menghalang laluan sekiranya pihak kontraktor atau pegawai bertugas perlu melakukan pemeriksaan atau kerja-kerja teknikal di dalam bilik atau koridor.
- iii. Demi **menjamin keselamatan dan mengelakkan sebarang risiko kemalangan**, pelajar diminta untuk **tidak berada di dalam bilik** sepanjang tempoh kerja-kerja penyelenggaraan elektrik dilaksanakan di bilik masing-masing.

5. Sebarang maklumat lanjut atau perubahan jadual kerja akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui saluran komunikasi rasmi kolej kediaman. Kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar amatlah dihargai bagi memastikan proses penyelenggaraan ini berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Disediakan oleh:

Pusat Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA)
Tarikh: 31 Mac 2026